



**Garis panduan Skim Geran Penyelidikan Institut Integriti  
Malaysia (IIM) bagi Kajian Kebolehlaksanaan Modul Integriti  
Kanak-Kanak (MIKa)**

Institut Integriti Malaysia  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan

## **1. Pengenalan**

Garis Panduan pemberian Geran Penyelidikan Institut Integriti Malaysia (IIM) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan.

## **2. Tujuan**

Prosedur ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pelaksanaan proses permohonan

dan syarat-syarat untuk mendapat pembiayaan geran penyelidikan IIM. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menggalakkan penerokaan idea/konsep/teori baru yang seterusnya akan menjadi pemangkin kepada penemuan baru, perkembangan ilmu yang terkini berkaitan integriti.

## **3. Objektif Penyelidikan**

- 3.1 Melaksanakan projek penyelidikan untuk mencapai objektif penyelidikan yang diperlukan oleh IIM;
- 3.2 Menghasilkan jaringan kerjasama yang berimpak di antara penyelidik IIM dan penyelidik luar;
- 3.3 Menghasilkan pengetahuan baharu bagi meningkatkan tahap integriti dan penambahbaikan fungsi IIM dalam memperkasa agenda integriti negara; dan
- 3.4 Menyokong dan membiayai projek R&D bagi menjana pengetahuan dan penemuan baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan integriti negara.

## **4. Bidang Penyelidikan**

Bidang keutamaan bagi Penyelidikan ialah;

- i. Integriti
- ii. Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- iii. Tadbir urus/Tatakelola
- iv. Etika

## **5. Kriteria Pemilihan**

Setiap permohonan Geran Penyelidikan IIM harus memenuhi kriteria seperti berikut;

- I. Projek penyelidikan yang merupakan projek-projek strategik negara (*national interest*) yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan Integriti dan tatakelola negara.
- II. Penyelidikan yang dapat memberikan solusi kepada isu-isu berkaitan integriti, tadbir urus/tata kelola, etika dan berkaitan bagi tujuan peningkatan dan pengukuhan integriti negara.

- III. Penyelidikan yang dipohon merupakan projek yang dapat menghasilkan sesuatu idea baru yang akan dapat membangunkan satu penyelidikan yang lain dalam aspek integriti.
- IV. Penyelidikan yang akan dapat menjana dan menambahbaik polisi dan dasar yang berkaitan integriti dan tatakelola negara.

## **6. Kelayakan**

- i. Geran ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia di kementerian/jabatan/agensi awam dan swasta/korporat yang mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan seperti yang terdapat dalam perkara 4.
- ii. Kumpulan penyelidik mestilah diketuai oleh warganegara Malaysia namun ahli boleh dipilih dalam kalangan bukan warganegara

## **7. Permohonan Geran**

- 7.1 Permohonan untuk Geran Penyelidikan IIM perlu menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan IIM seperti yang terdapat di Lampiran.
- 7.2 Permohonan untuk Geran Penyelidikan IIM dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati bidang (perenggan 4.0) dan kriteria (perenggan 5.0) di atas.
- 7.3 Setiap permohonan yang telah diluluskan perlu mengisi dan menandatangani Surat Aku Janji Penerimaan Peruntukan Geran Penyelidikan IIM.

## **8. Skop Pembiayaan**

### i. Upah dan Elaun untuk Pegawai Kontrak dan Sementara

Upah dan elaun pegawai kontrak dan sementara yang terlibat dengan penyelidikan dibenarkan untuk diupah dalam satu projek.

### ii. Upah dan Elaun untuk Pegawai Kontrak dan Sementara

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

Perjalanan ke luar negeri (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Penyelidikan IIM) perlu memenuhi kriteria di bawah;

- i. Perjalanan ke luar negara bertujuan untuk menghadiri konferensi, penanda aras kajian (benchmarking study), kajian amalan terbaik (best practices study), seminar atau bengkel untuk membentangkan hasil penyelidikan atau melakukan sebahagian daripada penyelidikan kerana tiada kemudahan dan pakar tempatan dalam kajian tersebut.
- ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

- iii. Hanya dua (2) kali perjalanan keluar negara dibenarkan sepanjang tempoh penyelidikan. Jumlah yang dibenarkan pula adalah bergantung kepada keperluan penyelidikan.
- iv. Perjalanan dihadkan kepada kelas ekonomi Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atau Air Asia / Syarikat Penerbangan Tambang Murah tertakluk kepada yang mana lebih murah.
- v. Bagi perjalanan dalam negara, penyelidik dibenarkan untuk menggunakan kelas perniagaan (Business Class) tertakluk kepada kelayakkannya penyelidik dalam agensi.
- vi. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 20 peratus daripada jumlah keseluruhan projek.

iii. Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen.

iv. Bahan Peralatan Penyelidikan

Bahan peralatan penyelidikan hanya boleh dibelanjakan untuk tujuan berkaitan penyelidikan sahaja.

v. Perkhidmatan

Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (dalam negeri) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah di antara 3 minggu hingga kurang daripada 3 bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 10 % dari peruntukan Geran.

vi. Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan.

## **9. Syarat Permohonan Geran**

- 9.1 Tiga (3) salinan Borang Permohonan diperlukan bagi setiap permohonan dan ia perlu dihantar kepada Bahagian Penyelidikan, Menara Integriti,

- Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur.
- 9.2 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu permohonan projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakuan pada setiap fasa.
  - 9.3 Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan Geran Penyelidikan IIM pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan tahap selesai projek pada kadar 75 peratus.
  - 9.4 Tempoh maksimum projek penyelidikan yang dijalankan di bawah Geran Penyelidikan IIM adalah selama dua (2) tahun. Bagi projek penyelidikan yang kurang atau melebihi dua (2) tahun, justifikasi kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Induk Penyelidikan IIM.
  - 9.5 Pembantu Penyelidik (RA), Pegawai Penyelidik (RO) sepenuh masa atau Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) boleh dilantik sebagai ahli dalam Projek Penyelidikan dengan bayaran amaun yang ditetapkan oleh agensi masing-masing.

## **10. Proses Permohonan Geran**

### i. Pembukaan Iklan Geran

IIM akan mengiklankan pembukaan geran penyelidikan melalui pelbagai saluran (laman web, surat rasmi, dll.). Iklan akan mengandungi syarat-syarat, bidang penyelidikan yang layak, dan tarikh tutup permohonan.

### ii. Persediaan Permohonan

Pemohon yang berminat perlu menyediakan cadangan penyelidikan lengkap mengikut garis panduan yang diberikan. Cadangan penyelidikan perlu merangkumi latar belakang, objektif, metodologi, bajet anggaran, dan jadual kerja.

### iii. Penghantaran Permohonan

Pemohon hantar borang permohonan beserta dokumen yang diperlukan melalui sistem dalam talian atau penghantaran fizikal. Semak bahawa dokumen lengkap dan dihantar sebelum tarikh tutup.

### iv. Saringan Awal

Bahagian Penyelidikan (BPY) IIM akan menyaring permohonan untuk memastikan semua dokumen lengkap dan memenuhi syarat. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan untuk pembetulan atau ditolak.

### v. Penilaian Permohonan

Permohonan yang lulus saringan awal akan dinilai oleh jawatankuasa teknikal dan panel penilai berdasarkan kualiti cadangan penyelidikan. Penilaian merangkumi keaslian idea, impak sosial, metodologi, dan kesesuaian bajet.

vi. Pembentangan Cadangan

Pemohon mungkin perlu membentangkan cadangan penyelidikan mereka kepada jawatankuasa panel untuk penilaian lanjut.

vii. Pemilihan & Keputusan

Panel akan membuat keputusan dan memaklumkan pemohon sama ada permohonan mereka berjaya atau tidak. Pemohon yang berjaya akan menerima surat tawaran rasmi.

viii. Menandatanganani Aku Janji

Pemohon yang berjaya perlu menandatangani Aku Janji Penerimaan geran dengan IIM, termasuk terma dan syarat geran.

ix. Penyediaan & Pelancaran Projek Penyelidikan

Setelah perjanjian ditandatangani, dana akan disalurkan mengikut fasa, dan projek boleh dimulakan mengikut jadual yang telah dipersetujui. Penyelidik perlu melapor kemajuan projek kepada IIM pada waktu yang ditetapkan.

## **11. Maklumat Tambahan**

Permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada Bahagian Penyelidikan, Institut Integriti Malaysia.

Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai IIM, Dr Rashidah Kamarulzaman di 019-3562803 atau emel [shidah@iim.gov.my](mailto:shidah@iim.gov.my) atau pegawai IIM, Puan Nurul Fadzliyanie Mohd Razif di 012-3847378 atau emel [fadzliyanie@iim.gov.my](mailto:fadzliyanie@iim.gov.my)

## **KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN MODUL INTEGRITI KANAK-KANAK**

### **(MIKa)**

1) Apakah dokumen yang hendak dibangunkan?

#### **Kajian Kebolehlaksanaan Modul Integriti Kanak-Kanak (MIKa)**

2) Apakah itu Modul Integriti Kanak-Kanak (MIKa)?

**Modul Integriti Kanak-Kanak (MIKa)** merupakan sebuah modul yang diberikan nafas baharu berdasarkan kepada modul yang pernah dibangunkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) pada tahun 2016/2017 iaitu Modul Integriti Prasekolah (MIPs). MIPs yang telah dibangunkan melalui kerjasama pintar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan lain-lain agensi terdiri daripada kumpulan pakar dalam pendidikan awal kanak-kanak ini merangkumi set Rancangan Sesi Pengajaran (RSP), 12 naskah Buku Cerita Integriti dan cakera padat lagu-lagu bertemakan integriti.

Sebuah projek rintis dilaksanakan dengan melibatkan sebelas (11) kelas prasekolah terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK), Tadika KEMAS, Tadika Perpaduan dan Tadika Swasta. Ekoran daripada keputusan yang sangat memberangsangkan daripada projek rintis ini, ianya menunjukkan terdapatnya peningkatan dalam penerimaan dan amalan nilai-nilai murni dari sudut integriti terhadap kanak-kanak seawal usia 4 tahun.

Melihat kepada perkembangan positif ini, IIM meneruskan usaha menyebarluas mesej dan nilai integriti yang diberi nafas baharu selari dengan perkembangan dunia pendidikan iaitu melalui MIKa. MIKa juga merupakan inisiatif strategik yang dirangka untuk memperkuuh pendidikan integriti di peringkat awal kanak-kanak. Pembangunan modul ini selaras dengan Strategi Nasional Anti-Rasuah (NACS), khususnya di bawah Strategi 2 yang menekankan kepentingan pendidikan dalam membentuk masyarakat yang bebas rasuah.

Berdasarkan MIPs, MIKa dibangun terbahagi kepada dua tahap usia iaitu bagi kanak-kanak Taska dan Tadika/Prasekolah. Selain itu, MIKa hadir dengan elemen-elemen menarik seperti terdapat 12 naskah buku cerita integriti (6 naskah buku cerita integriti di peringkat Taska dan 6 naskah buku cerita integriti di peringkat Tadika/Prasekolah), Kompilasi Panduan Asas Sesi iaitu dokumen panduan pendidik yang dikenali sebagai KomPAS, serta lagu-lagu integriti selain kehadiran maskot MIKa, Saya Anak Malaysia (SAM)

**MIKa** dirangka sebagai sisipan silibus Pendidikan Awal Kanak-Kanak sedia ada dan merupakan mekanisme alat bantu mengajar serta panduan kepada guru-guru berdasarkan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) baharu yang akan dilaksanakan pada 2026.

3) Apa objektif bagi keperluan kajian ini dilaksanakan?

Pendekatan MIKa dirangka supaya pembelajaran nilai integriti berlaku secara semula jadi, interaktif, dan menyeronokkan. Ia bukan sahaja memudahkan pemahaman kanak-kanak tetapi juga memberikan panduan kepada pendidik untuk mengukuhkan penerapan nilai integriti dalam aktiviti harian. Dengan pelaksanaan MIKa, beberapa impak utama dijangka dapat dicapai;

1. Meningkatkan pemahaman dan kesedaran kanak-kanak terhadap konsep integriti untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari mereka.
2. Membentuk karakter yang positif secara holistik kanak-kanak terhadap manusia sekeliling.
3. MIKa menjadi platform pendidikan integriti dan menjadi alternatif kepada pendekatan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang sedia ada serta boleh menjadi sisipan dengan kurikulum sedia ada di negara ini
4. Jaringan kerjasama strategik IIM dengan pihak-pihak berkaitan pendidikan awal kanak-kanak dengan lebih meluas.
5. Melahirkan generasi akan datang yang lebih berintegriti

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan MIKa ini relevan, boleh dilaksanakan di peringkat taska, tadika maupun prasekolah, kajian ini dilaksanakan bagi memenuhi objektif seperti berikut;

1. Menilai keperluan dan kebolehlaksanaan MIKa di peringkat Nasional berdasarkan keperluan semasa pendidikan awal kanak-kanak dalam negara
2. Menilai tahap kesesuaian kandungan MIKa dengan keperluan perkembangan awal kanak-kanak
3. Mengenal pasti tahap kefahaman dan kebolehlaksanaan MIKa oleh para pendidik di taska, tadika dan prasekolah
4. Menilai keberkesanan pendekatan pedagogi dan bantu mengajar MIKa agar bersesuaian dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang baharu
5. Menilai penerimaan awal MIKa dalam kalangan murid taska, tadika dan prasekolah melalui kajian rintis
6. Mengenal pasti keperluan untuk penambahbaikan terhadap MIKa terutama dari aspek penilaian (*assessment*)

4) Apa yang pihak perunding perlu laksanakan?

Bertepatan dengan objektif utama pelaksanaan kajian ini, oleh itu pihak perunding perlu melaksanakan:

- i. Menyediakan satu proposal yang merangkumi tujuan, latar belakang, cadangan objektif pembangunan, kumpulan sasaran, kaedah pembangunan (melalui scenario planning ataupun lain-lain kaedah yang dicadangkan), tempoh masa pelaksanaan (sediakan Gantt Chart), maklumat perunding (A. Senaraikan kumpulan penyelidik beserta kelayakan dan pengalaman, B. Senaraikan kekuatan perunding beserta contoh-contoh penyelidikan yang telah dan sedang dilaksanakan serta yang berkaitan)
- ii. Melaksanakan pembinaan instrumen yang bersesuai dengan kajian
- iii. Melaksanakan penilaian kepada data-data yang dikumpul
- iv. Melaksanakan penambahbaikan kepada modul yang dibangunkan
- v. Melaksanakan *Workshops/ Focus Group/ Interview/ToT* dan sebagainya yang berkenaan serta bersesuaian
- vi. Pelaporan dan penyampaian: Menyediakan laporan berkala mengenai kemajuan kajian kepada pihak pengurusan dan menyampaikan strategi secara formal kepada pihak berkepentingan.
- vii. Penulisan serta Penghasilan satu dokumen kajian yang lengkap.
- viii. Draf dan cadangan modul MIKa serta instrumen pelaksanaan.

5) Apakah kajian lain yang sedang atau telah dilaksanakan yang boleh menjadi rujukan kepada pembangunan dan pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Modul Integriti Kanak-Kanak (MIKa) ini?

1. Kajian Rintis Penerapan Nilai Integriti Dalam Kalangan Kanak-Kanak Peringkat Awal: Kebolehlaksanaan dan Keberkesanan Modul Integriti Prasekolah (MIPs) yang telah dibangunkan dengan kerjasama IIM dan barisan *Task Force MIPs* dari pelbagai institusi akademik.
2. Kajian Pembinaan Modul Interaktif Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah yang telah dibangunkan dengan kerjasama SPRM, UPSI dan UUM.

- 3. Kajian Keperluan Terhadap Guru Bagi Meneroka Elemen Pengajaran Integriti Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah yang telah dibangunkan oleh UPSI dan UUM**
- 4. Lain-lain kajian yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi lain berkaitan integriti dan nilai murni dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang bersesuai dengan kehendak dan keperluan.**

6) Berapa lamakah tempoh pelaksanaan kajian?

**Tempoh pelaksanaan kajian adalah selama enam (6) bulan bermula pada Julai 2025 sehingga Disember 2025**

7) Berapakah nilai tawaran geran penyelidikan ini?

**Nilai tawaran bagi geran penyelidikan ini adalah sehingga Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja (RM 20,000.00)**